



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 12 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA: ONLY GRADE C TAPAH DURIAN RM1 PER KILO, NATION, THE STAR, M/S – 3	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	FAMA PERAK SEDIA BANTU, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 24	
3.	TERKESAN HARGA DURIAN JATUH TERUK, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 24	LAIN – LAIN
4.	EXCO PERTANIAN DIPERKENAN MENGHADAP SULTAN SELANGOR HARI INI, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	
5.	DURIAN BUKIT DIJUAL RM1 SEKILOGRAM, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
6.	DERITA HIDU NAJIS BABI, NEGARA, KOSMO, M/S – 2	
7.	EXCO SELANGOR MENGHADAP SULTAN SHARAFUDDIN HARI INI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
8.	TINGKAT RISIKO PENYAKIT ZONOSIS, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 5	
9.	LEBIH 20 TAHUN BAU BUSUK BABI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 4	
10.	FROM GARDEN TO TABLE, THE STAR, NEWS, M/S – 1	
11.	GREEN SPACE WITH BIG IMPACT, NEWS, THE STAR, M/S – 2 & 3	
12.	SELANGOR SCALES UP URBAN FARMING TO BOLSTER FOOD RESILIENCE, NEWS, THE STAR, M/S – 3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2026	THE STAR	NATION	3

Fama: Only grade C Tapah durian RM1 per kilo

IPOH: The recent RM1 per kilo durian price issue only involves grade C durians and does not reflect the overall durian harvest in Jalan Pahang, Tapah, says Fama.

State director Mohd Salleh Saidin said grade C durians account for about 70% of production in the area while grade A durians are still being sold at prices ranging from RM8 to RM11 per kilo, in line with current market conditions.

Earlier, Mohd Salleh visited and met the Tok Batin of the Orang Asli community at Kampung Batu 6, Jalan Pahang, Tapah, Fadzi Arom to obtain a clearer picture of the durian marketing situation in the area.

He said the visit also revealed that the Tok Batin did not market durians to Fama as there was an existing trader who had purchased the entire durian harvest under a prior agreement.

"Durian from this area is known as durian bukit Jalan Pahang and the production season is expected to conclude by the end of this month," he said in a statement, Bernama reported.

On Saturday, it was reported that the income of Orang Asli residents along Jalan Pahang from Batu 3 to Batu 25 had been severely affected following a sharp drop in durian prices this season with selling prices between RM1 and RM2 per kilo.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	24

FAMA Perak sedia bantu

TAPAH - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Perak menyatakan kesediaan membantu pengusaha tempatan durian bukit di Kampung Batu 6, Jalan Pahang di sini susulan pendedahan kejatuhan harga serendah RM1 sekilogram.

FAMA memaklumkan, pihaknya turun padang bagi mendapatkan gambaran situasi pemasaran durian di kawasan itu.

Menurut agensi itu, hasil perbincangan mendapati 20 pengumpul dan pekebun terlibat dengan purata pengumpulan sekitar empat metrik tan sehari, membabitkan durian yang kebanyakannya terdiri gred C (70 peratus) dan gred B (30 peratus) yang lazim dikenali buah hujung.

"Durian di kawasan itu dikenali durian bukit Jalan Pahang, Tapah dengan musim

pengeluaran dijangka berakhir penghujung bulan ini.

"Harga RM1 sekilogram yang dilaporkan hanya melibatkan durian gred C, manakala harga durian gred A masih berada paras RM8 hingga RM11 sekilogram selaras pasaran semasa," jelasnya dalam kenyataan dimuat naik di Facebook pada Ahad.

Dalam lawatan diketuai Timbalan Pengarah Sekuriti Makanan dan Operasi FAMA Perak, Mohd Salleh Saidin itu turut mendapati pengusaha di kawasan itu tidak memasarkan durian kepada FAMA, sebaliknya mempunyai peraih sendiri.

Tambah kenyataan itu, peraih sedia ada mengambil keseluruhan hasil durian di kawasan berkenaan menyebabkan FAMA tidak terlibat dalam pembelian durian bagi musim pengeluaran kali ini.

"Namun begitu, FAMA Perak sentiasa bersedia berbincang dan bertindak sebagai pemudah cara sekiranya pekebun atau peraih berdepan masalah pemasaran pada masa depan," kata kenyataan itu.

FAMA Perak turun padang bagi mendapatkan gambaran sebenar situasi pemasaran durian bukit di Kampung Batu 6, Jalan Pahang, Tapah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	24

Terkesan harga durian jatuh teruk

Pendapatan Orang Asli terjejas, durian bukit serendah RM1 sekilo

Oleh SAIFULLAH AHMAD


TAPAH - Pendapatan penduduk Orang Asli di sekitar Jalan Pahang dari Batu 3 hingga Batu 25 terjejas teruk susulan kejatuhan mendadak harga durian bukit musim ini, apabila buah tersebut dijual serendah RM1 hingga RM2 sekilogram.

Tok Batin Kampung Batu 6 Jalan Pahang, Fadzil Arom berkata, harga durian tahun ini adalah yang paling buruk berbanding musim-musim sebelumnya walaupun hasil yang diperoleh agak memberangsangkan.

Menurutnya, durian gred B kini hanya dijual pada harga sekitar RM2 sekilogram manakala gred C pula RM1 sekilogram, jauh lebih rendah berbanding harga sebelum ini.

"Dulu harga durian bukit ini pernah mencecah RM10 hingga RM12 sekilogram dan paling rendah pun sekitar RM3 sekilo itu pun kami masih boleh bersyukur.

"Tapi tahun ini memang terlalu teruk



Fadzil (kiri) melayani Ahli Parlimen Tapah, Datuk Seri M Saravanan memilih durian di pusat pengumpulan di Kampung Batu 6 di sini pada Sabtu.

walaupun hasil durian ada," katanya ketika ditemui di Kampung Batu 6, di sini, Sabtu.

Katanya, kejatuhan harga itu menyebabkan pendapatan pengusaha durian di kampung tersebut susut lebih 60 peratus berbanding kebiasaan.

Menurutnya, sebelum ini terdapat pengusaha meraih pendapatan RM30,000 hingga RM40,000 setiap musim.

Katanya, bagi musim ini pendapatan me-

reka makin merosot dan sukar untuk mendapat sekurang-kurangnya RM20,000 disebabkan harga terlalu murah.

Beliau berkata, hampir keseluruhan penduduk kampung terlibat dalam penanaman durian melibatkan kira-kira 196 ketua isi rumah yang bergantung kepada hasil durian sebagai sumber pendapatan bermusim.

Jelasnya, kebanyakan penduduk kampung menjual hasil durian bukit terus kepada

peraih kerana kaedah itu paling mudah dan cepat.

Mengulas punca harga rendah, Fadzil menjelaskan antaranya adalah disebabkan lambakan hasil selain kurangnya pengetahuan pengguna mengenai keistimewaan durian bukit yang sering disamakan dengan durian kampung biasa.

"Durian bukit ni rasa dia lengkap, ada pahit, manis, pekat dan likat. Simpan dua tiga hari pun isi dia tak berair dan masih elok.

"Ia juga tak muak walaupun dimakan banyak, tak sama dengan durian premium," jelasnya.

Beliau turut mengakui kemasukan durian import dari Thailand menjadi antara faktor yang menekan harga durian tempatan setiap kali musim durian di Malaysia.

"Kalau boleh, import durian dikurangkan semasa musim durian tempatan supaya hasil durian dalam negara tidak menjadi lambakan," katanya.

Sehubungan itu, Fadzil berharap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dapat membantu melalui penjenamaan khusus durian bukit bagi menstabilkan harga di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Exco Pertanian diperkenan menghadap Sultan Selangor hari ini

PETALING JAYA: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima menghadap Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Ir. Izham Hashim hari ini bagi menyebarkan maklumat dan membentangkan perincian keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung isu penternakan babi di Kuala Langat.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri menjunjung kasih atas keprihatinan Sultan Sharafuddin berkenaan isu tersebut melalui kenyataan media, semalam.

Katanya, MMKN terdahulu telah mengambil keputusan supaya syarat pengoperasian industri penternakan babi di Selangor diperketat berasaskan keutamaan pengurusan sisa lebih bertanggungjawab supaya tidak memberikan kesan negatif terhadap sistem saliran.

"Keputusan mengambil kira semua aspek termasuk pandangan agensi teknikal bagi memuktamadkan isu yang berlarutan belasan tahun.

"Inisiatif ini penting memelihara keadaan kesihatan komuniti, alam sekitar dan sistem saliran serta mengelakkan pencemaran bau supaya industri ini dapat beroperasi secara lebih selamat tanpa memberi kesan sampingan," katanya dalam kenyataan.

Semalam, Sultan Sharafuddin menzahirkan dukacita dan tidak bersetuju dengan perancangan kerajaan negeri membenarkan operasi penternakan babi secara besar-besaran di negeri ini membabitkan operasi penternakan babi di kawasan Tanjong Sepat, Kuala Langat mulai tahun ini sebelum dipindahkan ke kawasan Bukit Tagar pada 2030.

Amirudin berkata, seperti diperincikan Izham dalam sidang akhbar pada 8 Januari lalu, langkah diambil merupakan inisiatif lebih tersusun dalam rangka usaha memastikan isu sensitif ini ditangani secara berhemah, menyeluruh serta berkesan dalam menangani isu alam sekitar.



DURIAN bukit dijual murah kerana lambakan durian tempatan dan import menyebabkan harga jualan menurun.

Durian bukit dijual RM1 sekilogram

- **Ekoran lambakan raja buah termasuk dari Thailand**
- **Pendapatan pekebun turun 60%**

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

TAPAH – Lambakan durian tempatan termasuk diimport dari Thailand antara faktor pendapatan sebahagian pemilik kebun yang juga penduduk Orang Asli terjejas teruk sehingga 60 peratus berbanding musim lalu.

Menurut Tok Batin Kampung Batu 6 Jalan Pahang, Fadzil Arom, 51, harga durian bukit kini dijual pada harga RM1 hingga RM2 sekilogram (kg).

“Musim paling teruk walaupun hasil durian agak memberangsangkan. Durian gred B kini dijual sekitar RM2 sekilogram, manakala gred C pula RM1 sekilogram.

“Dulu harga durian bukit ini pernah mencecah RM10 hingga RM12 sekilogram dan paling rendah pun sekitar RM3 sekilogram, itu pun kami masih boleh bersyukur,” katanya ketika ditemui di Kampung Batu 6, kelmarin.

Katanya, sebelum ini, ada pemilik kebun durian yang mampu meraih pendapatan sehingga RM30,000 hingga RM40,000 setiap kali musim.

“Namun sekarang nak dapat RM20,000 bagi musim ini mustahil. Kebanyakan penduduk kampung menjual hasil durian terus kepada peraih kerana kaedah itu paling mudah dan cepat. Lambakan durian tempatan dan yang diimport dari Thailand menyebabkan harga menjadi rendah,” katanya.

Ujarnya, durian bukit datang dengan pakej lengkap iaitu mempunyai rasa pahit, manis, pekat dan likat selain raja buah itu boleh disimpan selama dua hingga tiga hari serta tidak muak dimakan dalam kuantiti banyak berbanding durian jenis premium.

“Harapan kami, jika boleh, import durian dikurangkan semasa musim buah tempatan supaya hasil tidak menjadi lambakan. Kami berharap Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dapat membantu melalui penjenamaan khusus durian bukit bagi menstabilkan harga di pasaran,” katanya.

Derita hidu najis babi

DARI MUKA 1

Seorang penduduk, Mohd. Zuhaize Ngapani, 44, berkata, isu ternakan babi berlaku sejak dia masih kecil dan mengundang pencemaran bau di kawasan tersebut.

"Kawasan ini sudah terlalu lama tercemar, malah di Tanjong Sepat dan Tanjong Layang dipercayai ada enam buah ladang berskala besar yang beroperasi semula. Cuma berapa banyak kandang (jumlah keseluruhan), saya tidak pasti," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Jarak kandang babi yang kini sudah kosong dengan rumah penduduk adalah 50 hingga 70 meter (m).

Menurutnya, pembuangan terus najis babi ke kawasan laut turut mengganggu ekosistem. Ini selepas kerang dan kepah timbul semula ketika wabak ASF di Pantai Tanjong Sepat baru-baru ini selepas lebih 30 tahun 'hilang'.

Mohd. Zuhaize berkata, walaupun tiada penyakit, penduduk masih bimbang pencemaran akan terus berlaku dan berharap ternakan haiwan itu dipindahkan ke lokasi khas.

Seorang lagi penduduk, Norsaid Kasman, 53, memberitahu, ketika ini kesan bau dari ladang babi masih kurang berikutan haiwan tersebut baru dua bu-



SISA najis babi dari aliran parit yang disalurkan terus ke muara ketika tinjauan di Tanjong Sepat semalam.

—YUNUS YAKKUB

lan memasuki semula kawasan tersebut.

"Sebelum ini bau busuk sering melingkari udara. Pengunjung yang datang ke sini pun akan bertanya bau apa (punca), namun saya tidak tahu akan datang (selepas ASF).

"Ratusan pekerja ternakan babi yang dahulunya menganggur, kini sudah kembali bekerja," ujarnya.

Justeru, Norsaid meminta pihak berkaitan supaya memantau dan mengawal ketat aktiviti penternakan babi di daerah ini bagi mengelakkan jumlahnya terus meningkat.

Sementara itu, Ketua Kampung Tumbuk, Nasri Mohd. Jais berharap operasi penternakan babi akan dipindahkan ke Bukit Tagar pada 2030 dapat direa-

lisasikan.

Katanya, teguran daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah kelmarin dijunjung penduduk daerah ini kerana isu ternakan babi telah berlarutan selama puluhan tahun.

"Sekiranya berlaku (pemindahan), Alhamdulillah. Jika tidak, kita (penduduk) akan bertanyakan kepada kerajaan," katanya.

Kosmo! kelmarin melaporkan Sultan Sharafuddin tidak bersetuju dengan keputusan kerajaan negeri yang membenarkan operasi ternakan babi di Tanjong Sepat sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar.

Baginda turut menzahirkan kebimbangan berikutan Kuala Langat didiami ramai penduduk Melayu dan masalah ternakan babi di kawasan tersebut masih gagal diselesaikan sepenuhnya sejak tahun 2010.

Justeru, Sultan Sharafuddin turut mengusulkan kepada wakil-wakil rakyat menetap bersebelahan kawasan ternakan babi seperti di Kuala Langat bagi menempuh sendiri pengalaman sebenar seperti dialami penduduk.

Susulan itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan berkata, Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Izham Him akan menghadap Sultan Sharafuddin hari ini bagi menyembah maklum berhubung isu penternakan babi di Kuala Langat.

Izham juga akan membentangkan perincian keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) termasuk langkah proaktif oleh agensi-agensi penguatkuasaan supaya keselamatan serta kebersihan persekitaran dapat diperkukuhkan tanpa sebarang kompromi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

Penyakit Zoonosis

SUMBER: BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT KKM

Zoonosis adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh patogen (bakteria, virus dan parasit) yang disebarkan daripada haiwan kepada manusia.

DENGGI:

Penyakit yang disebarkan melalui gigitan nyamuk *Aedes sp.* yang dijangkiti virus denggi.



MONKEYPOX

Disebabkan oleh virus monkeypox. Ia merebak daripada haiwan kepada manusia dan boleh juga merebak melalui kontak dengan manusia yang dijangkiti.



MALARIA:

Penyakit yang disebabkan oleh parasit *Plasmodium sp.* yang dibawa oleh nyamuk *Anopheles sp.*



RABIES:

Penyakit sistem saraf yang disebabkan oleh virus lyssavirus yang disebarkan melalui gigitan anjing.



LEPTOSPIROSIS:

Penyakit yang disebabkan oleh kontak dengan air/makanan yang tercemar dengan urin haiwan yang dijangkiti bakteria *Leptospira sp.*



JAPANESE ENCEPHALITIS (JE):

Penyakit sistem saraf oleh virus JE yang disebarkan oleh nyamuk *Culex sp.*



VIRUS NIPAH:

Penyakit pernafasan dan neurologi yang disebarkan oleh babi yang dijangkiti virus Nipah.



EBOLA:

Penyakit yang disebarkan melalui kontak langsung dengan cecair daripada haiwan yang dijangkiti virus Ebola. Boleh merebak melalui kontak dengan manusia yang dijangkiti.



Exco Selangor menghadap Sultan Sharafuddin hari ini

SHAH ALAM - Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izham Hashim dijadual menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah hari ini bagi menyembah maklum dan membentangkan perincian keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) berhubung isu penternakan babi di Kuala Langat.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pertemuan itu turut membabitkan pembentangan langkah proaktif yang akan dilaksanakan agensi penguatkuasaan bagi memastikan aspek keselamatan, kebersihan persekitaran dan kawalan pencemaran diperkukuhkan tanpa kompromi.

Menurutnya, langkah itu diambil susulan keprihatinan Sultan Selangor yang dizahirkan menerusi kenyataan media baginda pada Sabtu berhubung isu berkenaan.

"Sebelum ini, MMKN telah memutuskan supaya syarat pengoperasian industri penternakan babi di Selangor diperketatkan khususnya dari aspek pengurusan sisa bagi mengelakkan kesan negatif terhadap sistem saliran dan alam sekitar.

"Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira pandangan agensi teknikal serta usaha menyelesaikan isu yang berlarutan di samping menjaga sensitiviti masyarakat setempat," katanya dalam satu kenyataan.

Amirudin berkata, pendekatan itu selari dengan penjelasan dibuat Izham menerusi sidang media pada Khamis lalu yang menyifatkan langkah itu sebagai inisiatif lebih tersusun dan berhemah.

Katanya, kerajaan negeri akan terus menjunjung tinggi nasihat dan pedoman Sultan Selangor dalam memastikan pembangunan dilaksanakan secara bertanggungjawab, seimbang dan mengutamakan kesejahteraan rakyat serta alam sekitar.

Tingkat risiko penyakit zoonosis

5 KEBURUKAN MENTERNAK BABI

1 Pencemaran alam sekitar

Sisa kumbahan dan najis babi boleh mencemarkan sungai, tanah dan udara jika tidak diurus dengan baik.

2 Penyebaran penyakit
Penternakan babi berisiko menyebarkan penyakit seperti selsema babi, Japanese Encephalitis (JE) dan jangkitan bakteria.

3 Bau busuk yang melampau
Najis dan sisa ternakan menghasilkan bau yang sangat kuat, mengganggu kesejahteraan penduduk sekitar.

4 Gangguan serangga dan haiwan perosak
Kawasan ternak babi mudah menarik lalat, tikus dan serangga yang boleh membawa penyakit.

5 Masalah kesihatan kepada komuniti
Penduduk berhampiran boleh mengalami masalah pernafasan, alahan, sakit kepala dan tekanan akibat pencemaran dan bau.

Penyebaran penyakit influenza babi berisiko berlaku jika kawalan biosekuriti lemah

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

SHAH ALAM—Cadangan memperbesarkan skala aktiviti penternakan babi di Kuala Langat walaupun hanya untuk sementara waktu sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar, Hulu Selangor dikhuatiri meningkatkan risiko penularan penyakit zoonosis termasuk influenza babi kepada manusia.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar berkata, penyebaran penyakit influenza babi berisiko berlaku sekiranya kawalan biosekuriti lemah apatah lagi ketika ini masalah di tapak penternakan sedia ada juga masih berlarutan sejak 2010.

"Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia melibatkan risiko kesihatan awam jangka panjang.

"Skala besar penternakan juga berisiko cetuskan pencemaran alam sekitar yang bo-



Pakar berpendapat cadangan memperbesarkan skala aktiviti penternakan babi di Kuala Langat dikhuatiri meningkatkan risiko penularan penyakit zoonosis termasuk influenza babi kepada manusia.

leh ganggu kualiti hidup kerana bau kuat dari ladang ternak dan pelepasan amonia atau methana," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, operasi penternakan berskala besar juga boleh mengakibatkan berlakunya pencemaran air bawah tanah dan sungai akibat sisa najis serta penggunaan antibiotik.

Menurutnya, ia juga boleh meningkatkan risiko pencemaran bunyi dan pembiakan vektor seperti lalat serta tikus yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan komuniti sekitar.

Justeru beliau berkata, cadangan menjadi-

kan Kuala Langat sebagai tapak sementara aktiviti penternakan babi sememangnya tidak wajar memandang masalah berkaitan penternakan babi di kawasan tersebut berlarutan sejak 2010 tanpa penyelesaian kekal.

Beliau berkata, kegagalan pengurusan asas selama lebih sedekad membuktikan cadangan untuk memperbesarkan skala penternakan hanya akan memburukkan lagi konflik sedia ada.

Menyentuh sama ada masalah bau dan pencemaran di kawasan itu mampu dikawal atau tidak, Dr Zainal Ariffin yakin ia sukar dikawal sepenuhnya dalam konteks tempatan berikutan kelemahan penguatkuasaan serta kekangan teknologi rawatan sisa berskala besar.

Bagaimanapun, Dr Zainal Ariffin menegaskan, sekiranya projek penternakan skala besar tetap mahu diteruskan, beberapa syarat minimum wajib dipenuhi sebelum operasi dibenarkan.

"Antara syarat tersebut ialah pelaksanaan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan penilaian risiko kesihatan awam, penggunaan sistem rawatan sisa tertutup tanpa pelepasan, penetapan jarak minimum 500 meter hingga satu kilometer dari penempatan penduduk serta penyediaan pelan pengurusan bencana.

"Jaminan kewangan juga perlu disediakan bagi tujuan pemulihan tapak selepas operasi tamat supaya kesan alam sekitar tidak ditanggung kerajaan dan masyarakat," ujarnya.



DR ZAINAL ARIFFIN

Lebih 20 tahun bau busuk babi

Salah satu kandang babi yang dipercayai telah dikosongkan.

**Penduduk Tanjong Sepat
bimbang ternakan skala besar
jejaskan lebih banyak ekosistem**

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

TANJONG SEPAT - Penduduk di sekitar kawasan Tanjong Sepat mendakwa sudah lali dengan bau busuk yang datang dari kawasan ladang penternakan babi.

Seorang peniaga, Mohd Zuhaize Ngapain, 44, mendakwa, isu ladang ternakan babi itu menyebabkan ekosistem perairan musnah.

"Dulu kerang, kepah memang banyak. Bila kes sebegini berlaku, ekosistem habis selain menjejaskan sumber pendapatan Orang Asli."

"Baru-baru ini sahaja ada jumpa kerang balik di pesisir pantai Tanjong Sepat sebab banyak babi mati kerana virus dan kilang ditutup. Kalau operasi semula, kerang akan hilang semula," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Tambahnya, jika ternakan haiwan itu diperluaskan dalam skala lebih besar di kawasan ini, ia hanya menimbulkan banyak masalah terutama bau.

"Wakil rakyat perlu pandang serius isu ini. Kami sudah lali sejak dari kecil dan kes sudah berpuluh tahun lama, tapi masih tiada perubahan."

"Terima kasih Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di atas teguran. Ia beri harapan baharu kepada penduduk yang dah lama hadap masalah ini," ujarnya.

Penduduk, Norasid Kasman, 53, turut menghargai teguran Sultan Selangor dan di harap perka-

ra ini diambil serius oleh pihak berwajib.

"Jika cakap pasal bau memang dah lama. Senang cakap kalau lalu jalan depan ini memang bau. Sekarang ini bau agak kurang sedikit, tapi masih ada."

"Najis akan dibuang melalui parit besar sebelum ke laut. Kalau nampak parit warna hitam memang itulah sisa najis babi. Harap sangat jumlah kandang babi tidak ditambah lagi di sini," ujarnya.

Dalam pada itu penduduk yang mahu dikenali sebagai Mathi, 40-an berkata, dia sudah lali dengan bau busuk di kawasan sekitar.

"Bau selalunya waktu tengah hari dan petang tapi kalau waktu hujan lagi kuat bau."

"Saya setuju sangatlah kalau kandang babi ini dipindahkan dan tak ditambah. Dulu ada lori bawa babi lalu depan rumah, tapi bila penyakit virus melanda, banyak ternakan mula tutup," ujarnya.

Beri sinar baharu

Sementara itu, Ketua Kampung Tumbuk, Nasri Mohd Jais berkata, teguran Sultan Selangor berkenaan isu penternakan babi di sini ibarat memberi sinar kepada penduduk yang sudah lama menderita dengan pencemaran bau dan air.

"Bila Kerajaan Selangor rancang pindahkan industri penternakan babi ke kawasan berpusat moden di Bukit Tagar, Hulu Selangor yang dijangka mula beroperasi pada 2030, ia bagai ada sinar kepada kami penduduk di sini."

Kedudukan parit yang tercemar mendatangkan bau yang kurang menyenangkan.

"Teguran daripada Sultan Selangor sangat baik kerana isu ini sudah berlaku berpuluh tahun. Dengan teguran ini, sudah semestinya prosedur akan terus diperketatkan lagi," katanya.

Ketua Kampung Tanjong Sepat, Hashim Abdul Majid berkata, kenyataan Sultan Selangor perlu dihormati oleh semua pihak.

"Harapan saya usah dibuat ternakan di sini. Cukuplah pengalaman 20 ke 30 tahun dengan keadaan pesisir pantai terkakis dan parit yang kotor," ujarnya.

Pada Sabtu, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita dan tidak bersetuju dengan keputusan Kerajaan Selangor yang membenarkan operasi penternakan babi di Tanjong Sepat, Kuala Langat sebelum dipindahkan ke Bukit Tagar, Hulu Selangor pada 2030.

Baginda bertitah, perancangan tersebut dipandang serius, khususnya apabila terdapat kemungkinan pembangunan penternakan babi secara berskala besar dan berorientasikan eksport ke luar negara di atas tanah seluas kira-kira 202 hektar di Bukit Tagar.

Ekoran itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Tanjong Sepat, Datuk Borhan Aman Shah pula menyokong pendirian Sultan Selangor supaya aktiviti penternakan babi dilaksanakan secara terhad dan terkawal bagi memenuhi keperluan komuniti bukan Islam serta tidak dijalankan secara besar-besaran atau berorientasikan eksport.

Dalam pada itu, Exco Infrastruktur dan Pertanian, Datuk Ir Izhah Hashim berkata, pemindahan itu dilakukan sebagai langkah jangka panjang bagi menangani isu pencemaran, wabak penyakit dan memelihara keharmonian masyarakat di kawasan penternakan sedia ada di Kampung Ladang Tumbuk, Tanjong Sepat, Kuala Langat.



MOHD ZUHAIZE



NORASID



NASRI



HASHIM

Penduduk mendakwa air di muara sungai kelihatan hitam dan tercemar kesan dari ladang penternakan babi.



TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

12/1/2026

THE STAR

NEWS

From garden to table

The Flat Ikan Community Garden in Taman Sri Serdang exemplifies food security through expert and state support, while serving as a living classroom for sustainable urban farming in Serdang, Selangor. >2&3



Green fingers: Flat Sri Serdang residents Chinnatamby Addakan (in blue) and Chong Kwai Wing (in white) picking ladies' fingers at the Flat Ikan Community Garden in Taman Sri Serdang in Serdang, Selangor. — MEGAT SYAHAR/The Star



Chinnatamby (right) showing freshly harvested hydroponic pak choy as Kwai Wing (middle) assists a customer in making her selection at Flat Sri Serdang's community garden in Taman Sri Serdang. — Photos: MEGAT SYAHAR and LOW LAY PHON/The Star

By MEGAT SYAHAR
megatsyahar@thestar.com.my

WHAT was once a neglected, rubbish-strewn corner of Flat Sri Serdang in Taman Sri Serdang, Selangor, has been transformed into a thriving community garden dubbed Flat Ikan.

Spanning 0.2ha behind the flats, the garden features vegetable plots, composting facilities and small fish tanks.

It serves as both a food source and an educational space for sustainable urban farming.

A group of six residents saw the land's potential and moved to create a community garden.

With the help of the joint management body (JMB), they cleared piles of waste from the area. In addition to rubbish, the open area had pests, including rats and snakes.

Today, the urban garden is home to more than 30 types of plants.

These can be seen on a Subang Jaya City Council (MBSJ) educational banner identifying the site — Flat Ikan Community Garden — as an educational hub.

The community garden is not confined to soil-based farming, it also features aquaculture and shaded growing systems.

According to residents, the most productive crop is the high-yielding okra.

Feeding a community

Chinnatamby Adikan, 96, said a pack of leafless 'fingers' (okra) costing RM5 could help feed a family for one or two meals.

Each pack has around 15 okra pods, he said.

"The flat has more than 400 housing units, and it is useful to have fresh vegetables growing nearby," Chinnatamby said.

Residents prefer buying from their very own farm because the vegetables are fresher and cheaper than those from the market.

To manage pests, the community gardeners use organic inputs like neem extract and wood vinegar supplied by Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).

"We prefer keeping it natural and we know the vegetables are safe for consumption and tasty," said Chinnatamby.

He said the revenue from the gardening activities was channeled back into operations for the purchase of fertiliser, composting materials and basic tools.

Green space with big impact

Community effort turns rubbish-filled land into thriving garden, fish farm in Taman Sri Serdang



Muhammad Heikal checking on wintermelons growing at the community garden.

Chinnatamby said during busy periods, everything would sell out within half an hour.

At a shaded corner stands a 27sqm house, growing oyster mushrooms, built under a Sefahtera Komuniti Madani grant.

"The residents manage the mushroom cultivation themselves, harvesting every two to three days before letting the substrate rest for about a month before the next production cycle."

"They grow well even in small spaces and we sell them for

and top up the fish tanks with stored rainwater.

The fish, he said, were sold at between RM13 and RM15 per kg, roughly half the market price.

Residents are notified through a chat group whenever fresh produce or fish are available.

Chinnatamby said during busy periods, everything would sell out within half an hour.

At a shaded corner stands a 27sqm house, growing oyster mushrooms, built under a Sefahtera Komuniti Madani grant.

"The residents manage the mushroom cultivation themselves, harvesting every two to three days before letting the substrate rest for about a month before the next production cycle."

"They grow well even in small spaces and we sell them for

"During our first visit, the soil was hard and infertile. But the residents were committed, so we decided to support them with technical advice and knowledge."

Dr Muhammad Heikal Ismail

RM2.50 per 150g," said 67-year-old resident Norela Omar.

Input from experts

UPM has been lending scientific backing to the community garden.

UPM senior lecturer Dr Muhammad Heikal Ismail began working with Flat Sri Serdang residents in 2019 under the university's community engagement initiative, focusing on food-waste management and composting.

"During our first visit, the soil was hard and infertile. But the residents were committed, so we supported them with technical advice and knowledge," he said.

UPM then introduced a rainwater-harvesting system and composting facilities, turning the site into a small-scale research and demonstration garden.

Residents were trained to separate food and garden waste for bio-compost, experimenting with several techniques of vermicom-



Sweet potato leaves thriving in polybags at the Flat Sri Serdang community garden.



Schoolchildren learn about hydroponics, composting and fish feeding while on an educational tour of the Flat Sri Serdang community garden. — Courtesy photo

posting using red worms, black soldier fly larvae composting and trench composting before settling on simpler systems suited to Flat Ikan's capacity.

"The best mix is about 60% garden waste and 40% food waste," said Muhammad Heikal.

"This produces healthy compost that improves soil quality while reducing waste at landfills."

UPM also continued supporting the group virtually during the Covid-19 movement restrictions.

Muhammad Heikal said together with his students, four online sessions on waste segregation and composting were held.

This was followed by on-site workshops once movement restrictions eased, he added.

The project later evolved into a "living laboratory", where UPM students observed composting and plant-growth processes directly, collecting data for academic research.

The collaboration has produced one master's thesis and two peer-review journal papers as well as new studies focusing on "bokashi" (Japanese for fermented organic matter) composting.

Heikal said the "bokashi" method was suitable for flat and HDB communities due to its low odour,

compact setup, and ability to be managed indoors without attracting pests.

"The community's passion is the main reason this works. They've maintained the garden for years without losing momentum."

"I've worked with other groups before, and many projects fail due to lack of commitment, but not here though," said Muhammad Heikal.

The project also received technical and moral support from MBSJ and Selangor Agriculture Department, with Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) later coming on board to assist with improving footpaths and site access.

Urban educational hub

Flat Sri Serdang's community garden is one of several recognised by MBSJ as an educational hub for urban agriculture.

To educate residents, the banner at the farm lists the types of herbs and vegetables, their scientific names and brief descriptions.

Among the plants grown here are salad greens, okra, bitter melon, sweet potato leaves, bottle gourd, lemongrass, garlic chives, green chilli and spring onion.

According to the visitors' logbook, more than 320 people have visited since 2021, including UPM and UKM students, MBSJ staff, school groups and residents from neighbouring flats eager to learn about urban farming methods.

Resident Susan Chong Siew Chin, 65, said the site frequently hosted educational visits and hands-on sessions.

"Our community garden is one of those under MBSJ where schoolchildren come to learn how to grow vegetables, make compost, practise hydroponics and raise fish," she said.

Another active member of the garden community, Chong Kwai Wing, 57, said residents also learned from UPM's on-site sessions, where its students were taught various composting and planting methods.

"When the university came to teach their students, we joined in to learn too," she said.

"That is one of the ways we are able to pick up many of the techniques we use today."

The garden's educational role underpins UPM's ongoing collaboration with residents, focusing on composting and aquaponics research.



Izham says community gardens reduce dependency on external food sources. — Filepic

Selangor scales up urban farming to bolster food resilience

SELANGOR is expanding its community-garden programme to strengthen food security and promote urban agriculture.

State infrastructure and agriculture committee chairman Datuk Izham Hashim said the initiative aligned with the Selangor Agro Transformation Plan (Peta) – aimed at securing the food supply chain “from seed and breeding to marketing”.

The plan seeks to improve productivity and boost incomes in the agricultural sector.

“Community gardens encourage residents to produce their own food while strengthening neighbourly bonds,” Izham told *StarMetro*.

“They also reduce dependency on external food sources.”

As of last year, the state had 391 registered community gardens monitored by local councils and Selangor Agriculture Department. Of this, 86% are located in urban areas.

Izham said the state allocated RM1.295mil with the provision of seeds, tools and equipment to assist 150 gardens.

The department also built 13 rain-shelter systems for the Melon Selangor (MeloSel) programme to support community cultivation of the high-value melons.

“Harvested fruits can be sold through the online auction system of Koperasi Warga Hijrah Selangor (Kohijrah),” Izham said.

He added that the state welcomed applications from residents of flats and PPRs interested in starting their own community gardens.

This was provided residents identified suitable land and register their projects with the local authority.

“The government is open to assisting any community that wants to begin urban farming.”

The Peta programme also involves universities and schools.

In Shah Alam, UiTM Kolej Melati students are running an aquaponics project combining tilapia rearing and leafy-vegetable cultivation.

Another project launched in July 2025 involves ginger-



Izham says community gardens encourage residents to produce their own food while strengthening neighbourly bonds.

in-basket planting in 19 schools across Shah Alam, Klang and Ampang.

A successful example, Izham said, was the Jalan Tuntung Community Garden managed largely by retirees in Section 20, Shah Alam.

This farm is often cited at the national level for its efficient organisation and productive yield.

The Jalan Tuntung garden has also won first place in many state community garden competitions.

Izham said the state was aware of challenges faced by community gardens including limited space, funding and manpower, particularly in dense residential areas.

“We are studying modern, compact agricultural systems requiring less land but produce higher returns,” he said.

Several local councils have also launched competitions to recognise active gardens, including Klang’s Green Circular Economy (Community Garden) contest.

He said the state was planning a Selangor-wide competition and a periodic community-produce market to help gardens promote their harvests.

“Even a small garden behind a flat can make a big difference. It improves the environment, builds community spirit and contributes to our food-security goals,” Izham said.

— By MEGAT SYAHAR